

# Pas setuju Raja selesai perpecahan

BH - 8 APR 2000

KOTA BHARU, Jumaat – Pas sedia menerima campur tangan Raja-Raja Melayu dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini akibat perbezaan fahaman politik, jika usaha itu tidak dipengaruhi mana-mana pihak.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata parti itu bersetuju menukar pendiriannya

dalam soal berkenaan jika ia dibuat dengan kerelaan raja-raja sendiri.

“Kalau awal-awal lagi raja sendiri bersungut (berhasrat) nak baiki perpecahan itu, tak apa. Tapi kalau nak buat kerana disuruh Umno, dakhlah (tidak setuju). Kerana dia (raja) bukan raja Umno saja, raja Pas juga.

“Kalau Umno suruh, kita boleh suruh juga... suruh nasihatkan Umno

supaya jangan buat benda tu, benda ni. Kita boleh suruh juga. Raja dia, raja kita, raja tula (sama) belaka,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika menyampaikan ceramah perdana sempena solat hajat di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV, di sini malam tadi.

Turut berucap, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Timbalan Presidennya yang juga Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang.

Nik Abdul Aziz mengulas kenyataannya terdahulu bahawa Pas tidak bersetuju Raja-Raja Melayu campur tangan dalam menyelesaikan masalah

LIHAT MUKA 2

## Institusi Raja mesti dihormati: Nik Aziz

BH - 8 APR 2000

DARI MUKA 1

perpecahan di kalangan umat Islam negara ini akibat perbezaan fahaman politik.

Akhbar sebelum ini melaporkan Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu dikatakan bersetuju untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatupadukan semula umat Islam negara ini yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik.

Bagaimanapun, Nik Aziz menolak laporan itu kononnya keputusan berkenaan adalah salah satu agenda dalam Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu.

Mursyidul Am Pas itu menarik perhatian bahawa hanya Malaysia dan Thailand negara yang masih kekal sistem beraja di Asia, kerana sistem itu sudah tidak diamalkan di beberapa negara lain seperti Cina, Singapura, India dan Indonesia.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu raja terlalu terikut-ikut dengan telunjuk Umno kerana kedudukan mereka hanya ditentukan oleh Tuhan.

“Kita sebagai rakyat kena hormat insitituti raja, kena jaga institusi ini,” katanya.

Beliau jdga tetap dengan pendiriannya bahawa Pas memperalatkan agama untuk kepentingan politik Islamnya kerana ia menjadi amalan Nabi Muhammad dalam menyatupadukan umat Islam seluruh dunia.

“Dia (Nabi Muhammad) guna gapa (apa) kalau tak guna Islam? Kerana apa bila Nabi Muhamad mempergunakan Islam dianggap betul dan apabila mari warisnya yang perjuangankan Islam atas nama Pas, dia kata salah?”

Beliau turut mengulangi kenyataannya jika Umno menerima al-Quran dan hadis serta membaiki semua perlembagaannya, Pas bukan saja sokong Umno, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri.

“Kalau (Dr Mahathir) nak jadi Perdana Menteri kita terima tak ada apa pun... Kalau dia bertaubat dan balik semula kepada al-Quran dan hadis. Saya seorang boleh terima dia sebagai Perdana Menteri.

“Dia (Dr Mahathir) ni ada pengalaman, pintar, bijak dan petah berhujah. Tapi dia kena ubah perlembagaannya,” katanya.

Sementara itu, Abdul Hadi dalam ucapannya meminta supaya Umno memenuhi tuntutan untuk mengadakan muzakarah dengan meletakkan hadis dan al-Quran di tengah-tengah sebagai rujukan.

Katanya, saranan supaya muzakarah itu sudah lama dibuat, selepas kerajaan membatalkan cadangan untuk mengadakan debat terbuka antara Pas dengan Umno pada 1984.

Bagaimanapun, beliau kesal sehingga kini permintaan itu belum dilaksanakan.